

## **Asas Bagi Memakmurkan Masjid**

© Muhammad Haniff Hassan

Masjid mempunyai kedudukan yang penting bagi umat Islam. Kepentingan ini dapat dilihat dari perlakuan Rasulullah s.a.w membina masjid Quba' sewaktu sampai di perkampungan berdekatan dengan Madinah dan usaha beliau membina Masjid Nabawi sejurus sahaja tiba di Madinah.

Allah taala telah merakamkan perbuatan beliau ini dengan firmanNya yang berbunyi

*"Dan masjid yang diasaskan atas takwa dari hari pertama ia dibina lebih layak untuk engkau beribadat di dalamnya" (At-Taubah : 108)*

Perlakuan ini juga menunjukkan bahawa masjid juga adalah institusi yang menjadi asas bagi pembentukan masyarakat Islam.

Baru-baru ini masjid sekali lagi menjadi perhatian masyarakat melalui isu penambahan sumbangan terhadap Dana Pembangunan Masjid dan Pelan Masjid 21. Lalu timbul pelbagai idea yang berkaitan dengannya seperti 'pengkorporatan masjid'. Penulis berharap apa yang disumbangkan ini adalah sebahagian dari perkara yang dapat difikirkan untuk membaiki peranan masjid dalam masyarakat.

Untuk memastikan masjid dapat berfungsi sebagai asas bagi pembentukan sebuah masyarakat Islam yang cemerlang, ia sebenarnya terletak pada faktor manusia. Dalam konteks hari ini, ialah manusia yang bertanggungjawab dalam mentadbirnya dan manusia yang mendatangi masjid untuk memakmurkannya.

Ini telah ditunjukkan oleh Allah taala dalam firmannya yang bermaksud

*"Tidak mungkin orang-orang musyrik itu memakmurkan masjid-masjid Allah dalam keadaan mereka bersaksi atas diri mereka dengan kekufuran. Mereka itu telah musnah segala amal-amal dan di dalam neraka mereka kekal. Sesungguhnya yang dapat memakmurkan masjid-masjid Allah adalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan mendirikan solat dan mengeluarkan zakat dan tidak takut kecuali Allah. Moga-moga mereka itu menjadi di kalangan orang-orang yang mendapat hidayah." (At-Taubah : 17 - 18)*

Ayat ini jelas menyatakan bahawa yang mampu memakmurkan masjid Allah dalam erti kata memastikan masjid berfungsi seperti yang sepatutnya adalah manusia yang memiliki sifat-sifat tertentu dan kegagalan masjid itu untuk berfungsi juga disebabkan manusia yang mempunyai sifat-sifat tertentu.

Allah taala juga berfirman yang bermaksud

*"Dan masjid yang didirikan atas takwa pada hari pertama ia dibina lebih berhak untuk engkau beribadat di dalamnya. Di dalamnya terdapat lelaki-lelaki yang suka untuk membersihkan diri. Dan Allah suka golongan yang membersihkan diri" (At-Taubah : 108)*

Ayat ini pula menjelaskan kita bahawa Allah taala memerintah Rasulullah saw untuk beribadat di masjid yang terdapat di dalamnya manusia yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dan tidak beribadat di masjid yang diasaskan oleh golongan munafik.

Sejauh mana kejayaan manusia untuk memainkan peranan bagi memastikan masjid dapat berfungsi sebagaimana yang sepatutnya pada asasnya terletak pada sejauh mana penghayatan mereka terhadap falsafah yang terdapat dalam solat jamaah yang merupakan *feature* yang paling penting bagi sebuah masjid seperti nilai-nilai ikhlas, ubudiyyah, mematuhi rukun dan syarat kerja, patuh kepada imam, berdisiplin dan lain-lain. Kegagalan untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai ini oleh manusia yang bertanggungjawab untuk memakmurkan masjid akan menyebabkan kegagalan masjid memainkan peranannya.

Hakikat ini mengajar kita adalah penting untuk memastikan bahawa mereka yang akan diberi amanah untuk mentadbir masjid ini mempunyai nilai-nilai yang terkandung dalam amalan solat jamaah. Nilai-nilai inilah yang lebih utama untuk dilihat dahulu daripada ciri-ciri lain.

Hakikat ini juga mengajar kita bahawa sasaran utama bagi program-program masjid hendaklah ditujukan kepada pembinaan manusia yang sesuai untuk memakmurkan masjid menepati dengan nilai-nilai dalam solat jamaah dan nilai-nilai yang terkandung dalam ayat-ayat yang dibacakan di atas.

Namun hari ini terdapat semacam paradoks dalam masjid kita. Ini kerana masjid yang ciri utamanya ialah amalan solat jamaah yang mengajar umat Islam hidup bersatu padu tetapi di situ lah terjadi medan pertentangan dan perbalahan yang membawa kepada permusuhan dan perpecahan. Kerja memakmurkan masjid yang mulia dicampuri dengan agenda-agenda peribadi dan individu. Maka bertebaranlah surat layang ke sana dan ke mari dan wujudlah usaha jatuh menjatuhkan sesuatu pihak. Fitnah dihamburkan seolah-olah tiada Tuhan Yang Maha Mengetahui.

Kerja memakmurkan masjid kadang kala bercampuraduk pula dengan rasa hasad, dengki, iri hati, takabbur dan lain-lain samada sesama rakan pentadbir atau dengan pentadbir masjid lain.

Semua ini menunjukkan kita betapa pentingnya kesucian jiwa bagi mengurus masjid ini bukan hanya kebijaksanaan akal dan kemahiran pengurusan. Maka sebab itu Allah mengatakan dalam ayat di atas kepentingan wujudnya lelaki-lelaki yang suka untuk membersihkan diri.

Kesucian jiwa ini tidak akan terwujud tanpa usaha tarbiyah dan tazkiyah yang berterusan baik oleh individu berkenaan atau institusi yang bertanggungjawab dalam melantik para pentadbir masjid.

Hakikat ini mengajar kita bahawa dalam program pentarbiyahan para pentadbir masjid hendaklah meliputi juga aspek tazkiyah bukan hanya pada aspek kemahiran berfikir dan pengurusan semata-mata.

Selain dari itu di sana terdapat kecenderungan bagi sesetengah masjid untuk mengutamakan aspek bukan manusia dalam program-programnya seperti keutamaan pada pengumpulan dana atau infrastruktur atau pada penonjolan imej.

Program-program seperti ini bukan tidak baik atau munkar. Yang penting ialah ia haruslah dijalankan untuk tujuan memenuhi fungsi pembinaan manusia atau ianya dilakukan bagi berkhidmat pada program-program pembinaan manusia.

Usaha memakmurkan masjid dilihat sebagai satu usaha sukarela atau kerja-kerja sosial. Ini mengakibatkan di kebanyakan masjid mengalami masalah komitmen. Sebenarnya usaha memakmurkan masjid ini adalah satu perjuangan bagi menegakkan Islam dalam masyarakat Islam Singapura. Ia adalah kewajiban agama. Ia adalah satu kefardhuan. Sekiranya pengabaian terhadap usaha memakmurkan masjid ini berlaku dan penyelewengannya berleluasa maka masyarakat persekitarannya juga bertanggungjawab atas apa yang berlaku. Sikap lepas tangan ahli masyarakat terhadap masjid di kawasan perumahannya kerana mereka bukan ahli Jawatankuasa Pentadbir Masjid adalah sikap yang tidak tepat. Sekiranya sesebuah masjid terabai kerana tiada yang mahu memakmurkannya maka keseluruhan ahli masyarakat persekitaran akan dipertanggungjawab oleh Allah taala.

Dari satu aspek, pula ahli masyarakat yang ingin menyumbang bagi kesejahteraan masjid pula hendaklah melakukannya melalui saluran-saluran yang betul dan dengan menjaga adab-adab yang mulia. Kesilapan dan kelemahan tidak boleh dijadikan asas untuk melakukan serangan peribadi yang mendedahkan keaiban seseorang kepada khalayak umum dan andaian sahaja tidak mencukupi untuk dijadikan asas bagi tuduhan.

Oleh kerana usaha memakmurkan masjid ini adalah tugas agama, maka ia perlu dilakukan atas landasan agama. Ia mempunyai kaedah-kaedah, prinsip-prinsip, rukun dan syarat yang perlu dipenuhi. Ia tidak boleh dilakukan mengikut rasa dan suka semata-mata. Ia tidak boleh dilakukan mengikut teori pengurusan barat bulat-bulat.

Dalam rangka membaiki keadaan di masjid, ada rancangan untuk mendapatkan khidmat tenaga profesional sepenuh masa bagi mengurus dan mentadbir masjid di masa akan datang. Tanpa menolak kebaikan rancangan ini, mungkin boleh dipertimbangkan cadangan di bawah juga.

1. Pengurusan dan pentadbiran masjid juga boleh dibaiki dengan menyerahkan amanah pentadbirannya kepada pertubuhan-pertubuhan Islam yang diyakini kemampuan dan komitmennya.
2. Skim ini mempunyai kelebihan dari sistem yang ada sekarang kerana ia lebih menjamin teamwork dan group dynamics yang lebih positif. Jawatankuasa Pentadbir Masjid hari ini dilantik dari individu-individu yang datang dari pelbagai latarbelakang. Ramai di antara mereka tidak mengenali antara satu sama lain sebelum dilantik sebagai pentadbir masjid. Sistem sekarang ini menyebabkan komposisi Jawatankuasa Pentadbir Masjid begitu rencam. Kerencaman ini pula menyebabkan masa yang lebih lama bagi Jawatankuasa Pentadbir Masjid untuk membina rasa kekumpulan mereka yang kadangkala berjaya dan kadangkala

gagal.

Perlulah diingat untuk sesuatu kumpulan itu berjaya ia bukan hanya perlu dianggotai oleh individu-individu yang mempunyai kemahiran untuk menjalankan tugas yang ditentukan tetapi juga setiap individu itu boleh membentuk sebagai satu kumpulan kerja.

3. Skim ini juga mungkin lebih menjamin pertanggungjawaban kerana ia melibatkan satu pertubuhan secara keseluruhannya. Namun ini bukan bermakna penulis menuduh bahawa mereka yang terlibat dalam sistem sekarang ini kurang bertanggungjawab.
4. Masjid yang diurus oleh pertubuhan mendapat kelebihan sokongan jentera pentadbiran pertubuhan berkenaan sebagai tambahan dari jentera pentadbiran masjid yang sedia ada.
5. Kemungkinan skim ini akan menjimatkan wang yang diperuntukkan untuk membayar gaji pegawai professional sepenuh masa yang dirancangkan. Namun perlu juga dipertimbangkan, jika skim ini dilaksanakan, insentif bagi mengganjari pertubuhan yang berkenaan.

Apa yang dicadangkan bukanlah satu perkara yang baru sepenuhnya kerana ia telah pun berlaku dalam konteks pentadbiran madrasah iaitu Madrasah Al-Irsyad dan Madrasah Al-Arabiah. Dalam konteks ini, ia telah terbukti kebaikan dan kelebihannya.

Skim seperti ini juga telah diperaktikkan oleh pemerintah dengan penyerahan pengurusan *halfway house*, rumah orang-orang tua dan rumah-rumah kebajikan kepada pertubuhan-pertubuhan sosial dengan bantuan kewangan sebagai ganti dan ganjaran.

Masjid yang dibina di Singapura hari ini bernilai jutaan dollar dari harta umat Islam. Oleh itu ia perlulah dipelihara agar benar-benar berfungsi sebagaimana sepatutnya.

Pengabaian terhadap fungsi masjid yang sebenar akan merugikan aset umat Islam ini.

Kita hendaklah faham sebagaimana Allah taala memberi ganjaran yang besar bagi sesiapa yang membina dan memakmurkan masjid begitulah juga ancaman bagi mereka yang mengabaikan amanah untuk memakmurkan masjid.

Maka sebab itulah kita perlu perihatin terhadap peranan masjid kita dan berusaha untuk membaikinya agar pelaburan umat Islam ini tidak terabai dan membazir.

Allah taala telah berfirman yang bermaksud

*“Dan mereka yang membangunkan masjid untuk menimbulkan bahaya, kekufuran, perpecahan antara orang-orang yang beriman dan menyambut kedatangan orang yang sejak dahulu lagi telah memerangi Allah dan RasulNya dan sesungguhnya*

*mereka bersumpah Kami hanya menghendaki kebaikan dan Allah menjadi saksi bahawa sesungguhnya mereka itu pendusta”(At-Taubah : 107)*